

30 OCT 1997

Hamid-OIC

OIC AKAN TUBUH BADAN KHAS UNTUK SELAMATKAN KHAZANAH ISLAM

JAKARTA, 30 Okt (Bernama) -- Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) akan menubuhkan badan khas bagi mendapatkan kembali khazanah Islam, terutama buku-buku dan manuskrip yang kini banyak tersimpan di Eropah, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Beliau berkata banyak daripada pemikiran awal Islam telah hilang kerana kebanyakan manuskrip dan tulisan-tulisan dari seluruh dunia Islam banyak tersimpan terutama di Eropah dan masyarakat Islam tidak lagi mempunyai akses kepada khazanah itu.

Abdul Hamid yang mengetuai delegasi Malaysia ke Persidangan Menteri-Menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam negara-negara OIC ke-6 selama empat hari di sini bermula semalam, berkata topik itu merupakan antara tiga perkara utama yang dibincangkan pada persidangan berkenaan.

Dua lagi ialah soal harta wakaf dan urusan dakwah.

Beliau berkata dunia Islam perlu mendapatkan kembali khazanah berharga itu supaya pemikiran Islam semasa dapat mengikut jalan yang betul, lurus dan tidak menyeleweng.

"Terdapat banyak buku-buku mengenai pengurusan negara Islam ditulis semasa agama Islam menjadi agama majoriti dan kuat pada satu ketika dahulu," katanya.

Abdul Hamid juga berkata persidangan itu turut membincangkan mengenai Islam yang diamalkan di dunia Arab dan yang diamalkan di luar Arab yang telah disesuaikan dengan suasana setempat.

Bagaimanapun, menurutnya, Islam yang telah disesuaikan dengan suasana setempat tidak harus dipandang sebagai bukan Islam tulen.

Ini memandangkan jumlah terbesar umat Islam adalah di luar Arab khususnya di Asia Tenggara.

Katanya masyarakat Islam di luar Arab sendiri telah mencapai banyak kemajuan, misalnya rumpun Melayu di Malaysia dan Indonesia kini sudah mula menuju era teknologi maklumat menerusi penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Abdul Hamid juga berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju supaya Malaysia menjadi tuan rumah bagi persidangan akan datang yang akan diadakan tiga tahun lagi. -- BERNAMA

KHY RON